

12/07/1999

BN Sarawak yakin sapu bersih semua kerusi

Rosli Safar

BARISAN Nasional (BN) Sarawak yakin mencatat keputusan lebih baik pada pilihan raya umum (Parlimen bagi Sarawak) yang akan diadakan pada bila-bila masa.

Sungguhpun jawapan Pengerusi BN Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, kepada soalan wartawan mengenai peluang BN negeri itu pada pilihan raya akan datang, begitu ringkas, ia cukup jelas bahawa BN Sarawak sudah mempunyai landasan kukuh untuk membolehkannya memenangi semua 28 kerusi Parlimen yang dipertandingkan.

Daripada perkataan 'keputusan lebih baik' yang diguna pakai Taib, nyata BN Sarawak akan menyapu bersih semua kerusi yang ada, tanpa membuka sedikit pun ruang kepada pembangkang.

Keputusan lebih baik yang digunakan Taib bolehlah diterjemahkan bahawa BN Sarawak sudah pasti dengan sasarannya untuk menguasai semua kerusi Parlimen yang dipertandingkan, sama ada yang pada masa ini dimiliki pembangkang atau kerusi BN yang diambil orang atau kerusi baru yang masih belum ada siapa berhak ke atasnya.

Pada pilihan raya 1995, BN Sarawak memenangi 26 daripada 27 kerusi yang dipertandingkan, sekali gus daripada kenyataan Taib itu menyerlahkan betapa satu kerusi yang dimenangi calon DAP, Chiew Chiu Sing, di Bintulu pada pilihan raya lalu itu juga sudah diperincikan dan dimasukkan dalam senarai kuasaan BN.

Begitu juga kerusi Mas Gading yang kini disandang oleh pemimpin Parti Reformasi Keadilan (Star), Dr Patau Rubis, yang asalnya dimenangi atas tiket BN dan seharusnya dikembalikan kepada yang empunya.

Manakala kerusi Parlimen Mambong, baru diwartakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada 1996 dan tidak salah bagi BN Sarawak untuk memasukkannya dalam senarai kerusi bakal diduduki.

Kerusi Mambong mengandungi kawasan Dewan Undangan Negeri Bengoh yang kini diwakili BN dari Parti Bersatu Rakyat Sarawak (Supp) dan Tarat juga dipegang BN dari Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB).

Hanya tiga kerusi itu yang perlu diperhalusi, manakala baki 25 kerusi sudah lama dalam genggam BN Sarawak, yang mana ia perlu memperbaiki sedikit sana sini untuk memastikan ia terus kukuh dan selesa untuk diduduki oleh calonnya.

Daripada jumlah itu, 10 kerusi dimenangi oleh Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), diikuti tujuh kerusi oleh Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), enam kerusi dimenangi Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan tiga lagi kerusi oleh Parti Kebangsaan Sarawak (Snap), termasuk kerusi yang ketika ini disandang Dr Patau.

Dari segi sasaran BN Sarawak, yang ditunjangi empat parti, PBB yang dipimpin Taib, Supp yang dipimpin Datuk Dr George Chan Hong Nam, PBDS yang diketuai Datuk Leo Moggie anak Irok dan Snap dipimpin Datuk Amar James Wong Kim Min, kesepakatan sudah dicapai dan semua akan berusaha untuk merealisasikan matlamat yang satu itu.

Dari segi masalah dalaman komponen parti pula, semuanya kini kelihatan akur dengan arahan Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, agar segala perselisihan faham dilupakan dan masa serta tenaga digembleng bagi memastikan kemenangan BN.

Ini dapat ditafsirkan melalui kata-kata Taib bahawa BN Sarawak tidak akan terburu-buru dalam menentukan parti mana yang berhak untuk bertanding di kawasan Parlimen Mambong, kerusi baru itu. Maknanya tidak ada

perebutan.

"Buat masa ini perkara itu belum dibincangkan antara komponen BN negeri. Apabila perkara itu dibincangkan kelak, kita akan mencari penyelesaian terbaik dan beliau akan memaklukkannya kepada Dr Mahathir," katanya baru-baru ini.

Begitu juga kancah dalam PBB yang menjadi tulang belakang BN Sarawak, kini kelihatan ceria, sungguhpun sebelum ini khabar angin tersebar luas seakan bakal berlaku perpecahan dalam parti yang menggabungkan sayap Bumiputera dan bukan Bumiputera itu.

Kembalinya Timbalan Presiden parti, Datuk Abang Johari Abang Openg, yang juga Menteri Pembangunan Perindustrian negeri, menjalankan tugas rasmi dan tugas parti selepas cuti panjang, dilihat oleh pemerhati antara petanda bahawa kekusutan yang dihebohkan, sebenarnya adalah khabar angin semata-mata.

Johari sebelum ini dikaitkan antara individu dalam Kabinet negeri yang bakal diketepikan oleh Taib, apabila rombakan Kabinet dilakukan nanti. Khabar itu dikaitkan dengan keputusan Johari meneruskan hajatnya bertanding kerusi Timbalan Presiden PBB, sekali gus menewaskan calon yang dikaitkan dengan Taib iaitu Datuk Adenan Satem (Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri), pada Perhimpunan Agung PBB Ke-9, tahun lalu.

Daripada riak dan air muka Johari yang ceria sebaik keluar dari bilik Mesyuarat Majlis Tertinggi PBB, Petra Jaya, Kuching, minggu lalu, terbukti beliau tidak mengambil langkah seperti yang didakwa pihak tertentu.

Sebelum ini, Johari didakwa sudah mengemukakan surat perletakan jawatan daripada Kabinet negeri, sebelum 'menghilangkan' diri dari Bumi Kenyalang.

Johari mengakui beliau bercuti panjang selama sebulan, tetapi bukan kerana masalah dalam parti atau Kabinet negeri, sebaliknya hanyalah bagi menyelesaikan masalah peribadinya iaitu menguruskan pembelajaran anaknya di luar negara.

Ini tidak bermakna bahawa rombakan kabinet tidak akan berlaku, kerana selepas mesyuarat yang sama juga, Taib mengulangi kenyataannya berhubung rombakan itu dan beliau menyatakan ia akan dilakukan pada tahun ini.

Sementara kancah dalam tiga parti komponen - Supp, PBDS, Snap - tidaklah ketara, dibandingkan khabar yang bertiup dari kem PBB.

Malah, Presiden Snap, Wong, satu-satunya calon BN yang tewas pada pilihan raya 1995, di Bintulu, juga berulang kali menyatakan beliau tidak bercadang 'membalas dendam' dan merebut kembali kerusi berkenaan.

Sebaliknya pemimpin itu memilih untuk membuka laluan kepada pemimpin muda ke arah merealisasikan misi BN memenangi kembali kerusi itu daripada DAP.

(END)